

09 NOV 1996

Ramli-tanah

LIBERALISASI UNTUK MAJUKAN TANAH RIZAB MELAYU

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini mencadangkan kerajaan-kerajaan negeri menjadi pengatur dalam membangunkan kawasan Tanah Rizab Melayu tanpa mengubah status pemiliknya.

Katanya kerajaan-kerajaan negeri boleh mengadakan perbincangan terus dengan syarikat korporat milik Melayu yang berwibawa dan juga agensi-agensi kerajaan untuk memajukan kawasan tanah itu dan memastikan pulangan yang tinggi kepada pemilik.

Beliau berkata demikian dalam ucaptamanya di Persidangan Pembangunan Tanah Rizab Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Ramli juga mencadangkan kerajaan-kerajaan negeri menubuhkan badan pemegang saham untuk memegang tanah-tanah premis di kawasan Tanah Rizab Melayu yang dimajukan jika ianya tidak dapat dijual.

Beliau berkata satu tabung pusingan hendaklah ditubuhkan dalam badan itu untuk membiayai harta-harta itu.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan negeri juga perlu mengenal pasti kawasan Tanah Rizab Melayu sama ada yang bermilik atau masih tanah kerajaan yang berpotensi untuk dibangunkan.

Ramli berkata antara faktor utama Tanah Rizab Melayu sukar dibangunkan sekarang ialah modal dan kemahiran sehinggakan harga tanah itu lebih rendah daripada harga pasaran, katanya.

Beliau memetik ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semasa Persidangan Agung Umno lepas yang menyifatkan pengekalan Tanah Rizab Melayu sebagai bukti orang Melayu masih lemah dan mereka bukan merupakan tuan yang sebenar di tanah air sendiri.

Oleh itu, Ramli berkata orang Melayu perlu mengubah pandangan dan paradigma berhubung dengan kedudukan Tanah Rizab Melayu yang selama ini dibangga-banggakan.

"Orang Melayu perlu bersikap liberal dan bukan konservatif dengan hanya berbangga memiliki tanah walaupun ia tidak dibangunkan," katanya.

Ramli berkata seluas kira-kira 4.5 juta hektar Tanah Rizab Melayu diwartakan pada tahun 1913 di bawah "Malay Reservation Enactment" oleh penjajah British.

Beliau berkata terdapat banyak kawasan Tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan statusnya untuk tujuan pembangunan projek-projek awam, tidak diganti oleh kerajaan-kerajaan negeri disebabkan kesukaran untuk mendapatkan tanah ganti.

"Pembatalan Tanah Rizab Melayu atas sebab-sebab kepentingan awam tidaklah merupakan satu isu yang asing tetapi sekiranya pembatalan ini menyebabkan tanah itu diberi kepada orang bukan Melayu maka tindakan bagi mewujudkan tanah simpanan yang baru adalah perkara yang perlu diberi keutamaan jika konsep "status-quo" pemilikan yang ada hendak dikekalkan," katanya.

Menteri Besar itu berkata sehingga kini tidak diketahui dengan tepat jumlah sebenarnya tanah milik orang Melayu termasuk Tanah Rizab Melayu serta nilai tanah-tanah itu.

Secara umum, masyarakat beranggapan jumlah pemilikan tanah orang Melayu terus berkurangan termasuk akibat proses pindah milik.

Sehubungan itu, kajian yang khusus dan terperinci mengenai perkara ini amat penting dan mungkin sesuatu penemuan yang mengejutkan akan didapati daripada kajian itu, katanya.

Persidangan sehari anjuran Kerajaan Perak dan Fakulti Ekonomi

Universiti Kebangsaan Malaysia itu dihadiri oleh kira-kira 400 peserta terdiri daripada pegawai daerah, pegawai tanah dan galian, wakil rakyat dan ahli akademik.

Ia bertujuan antara lain mencari jalan ke arah menyelesaikan masalah pembangunan Tanah Rizab Melayu berdasarkan perspektif baru pemimpin negara.

-- BERNAMA

JM WAT